

**PEDOMAN EJAAN JAWI**  
 Bersama Wan Mohd Saophy  
 Amizul Wan Mansor


## Pengejaan Nama Negeri

Pengejaan nama negeri dalam tulisan Jawi sebenarnya tidak berubah daripada ejaan asal yang telah digunakan zaman-berzaman. Ini adalah kerana tulisan nama negeri tersebut telah diwartakan penggunaannya sebegini rupa. Para pengguna tulisan Jawi tidak perlu kluatir kerana dalam Sistem Ejaan Jawi yang disempurnakan tidak merubah segala-galanya. Hanyalah nama gelaran negeri atau wilayah yang baharu sahaja yang perlu melalui peraturan yang telah digariskan contoh seperti nama Wilayah Persekutuan Putrajaya (ولاية فرسكوتوان فوتراجاي).

Dan berikut diberikan contoh cara pengejaan nama negeri-negeri di Malaysia dalam tulisan Jawi.

Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
Johor Darul Takzim	جوهر دار التعظيم
Kedah Darul Aman	قدح دار الأمان
Kelantan Darul Naim	كلنتن دار النعيم
Melaka Bandaraya Bersejarah	ملاك باندر اي برسجاره
Negeri Sembilan Darul Khusus	نكري سمبيلن دار الخصوص
Pahang Darul Makmur	قهق دار المعمور
Perak Darul Ridzuan	قيراق دار الرضوان
Perlis Indera Kayangan	قريليس ايندرا كايشن
Pulau Pinang Pulau Mutiara	قولاو قينغ قولاو موتيارا
Sabah Negeri di Bawah Bayu	سابه نكري دباوه بايو
Sarawak Bumi Kenyalang	سراوق بومي كپالغ
Selangor Darul Ehsan	سلاغور دار الإحسان
Terengganu Darul Iman	ترغغانو دار الإيمان
Wilayah Persekutuan K. Lumpur	ولاية فرسكوتوان كوالا لمفور
Wilayah Persekutuan Labuan	ولاية فرسكوتوان لبوان
Wilayah Persekutuan Putrajaya	ولاية فرسكوتوان فوتراجاي

Kalau dirujuk di dalam Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi (DKBM) cetakan 2001 dan 2004, kata Johor (negeri) dieja dengan penambahan huruf wau selepas huruf ha (جوهر). Sebenarnya ejaan ini adalah untuk kata johor yang membawa maksud sejenis tumbuhan bukan untuk nama negeri. Ejaan Jawi bagi kata Johor yang membawa maksud negeri ialah seperti yang tertera di dalam jadual di atas (جوهر). Dalam DKBM edisi terbaharu yang bakal terbit kata tersebut telah diperbaiki ejaannya dan nama-nama negeri dihindarkan di dalam satu senarai yang khusus.

### Latihan:

1. Saya berasal dari Pulau Pinang.
2. Setelah singah sebentar di Melaka, saya meneruskan perjalanan ke Johor.
3. Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur terletak di negeri Kelantan Darul Naim.
4. Gunung yang tertinggi di Malaysia terletak di negeri Sabah
5. Negeri Pahang Darul Makmur terkenal dengan keindahan flora dan faunanya.

**PEDOMAN BAHASA Bersama**  
 Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim


## Tadika, Tabika, Taska - Pengakroniman dalam bahasa Melayu

Banyak orang tertanya-tanya, bagaimana mulanya terbit perkataan-perkataan seperti "tadika", "tabika" dan "taska"? Kalau perkataan-perkataan ini perkataan Melayu, bagaimana cara membentuknya, kerana sebelum ini tidak ada perkataan sedemikian dalam bahasa Melayu.

Sebenarnya "tadika", "tabika" dan "taska" ialah apa yang dikatakan kata akronim, seperti juga "cerpen", "pawagam", "ABIM", dan "Petronas". Kata akronim ialah kata singkatan yang terbentuk dengan menggabungkan huruf-huruf awal suku kata atau dengan menggabungkan huruf awal dan suku kata daripada satu rangkaian kata, dan ditulis serta dilafazkan sebagai perkataan yang utuh.

Contohnya ialah "ABIM", yang dihasilkan dengan menggabungkan huruf awal rangkaian kata "Angkatan Belia Islam Malaysia". Dua contoh lagi ialah IKIM (Institut Kefahaman Islam Malaysia) dan ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri). Ketiga-tiga kata akronim ini ditulis dengan huruf besar kerana kata-kata akronim tersebut merupakan kata nama khas.

Ada juga kata akronim yang terbentuk dengan menggabungkan suku kata dengan huruf awal atau suku kata dengan suku kata. "MABBIM" misalnya berasal daripada suku kata "ma" dan huruf-huruf "b", "i" dan "m" daripada "Majlis Bahasa Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia". "Bernama" pula terbentuk dengan menggabungkan suku kata daripada rangkai kata "Berita Nasional Malaysia". Huruf pertama kata-kata akronim ini dieja dengan huruf besar kerana merupakan kata nama khas. Dua contoh lagi ialah "MARA" (Majlis Amanah Rakyat) dan "Perkeso" (Pertubuhan Keselamatan Sosial).

Cara ketiga membentuk kata akronim adalah dengan menggabungkan suku kata dengan suku kata, dan ditulis dengan huruf kecil keseluruhannya kerana perkataan yang terbentuk bukan kata nama khas. Misalnya "tadika" (daripada taman didikan kanak-kanak), "cerpen" (cerita pendek) dan "pawagam" (panggung wayang gambar).

Dalam bahasa Melayu proses membentuk perkataan baharu dengan cara begini (pengakroniman) tidak digalakkan kerana walaupun senang dan menarik, prosesnya terlalu longgar dan tidak berasaskan prinsip-prinsip tertentu. Sesiapa sahaja boleh membentuk perkataan dengan cara ini mengikut

sesuka hati. Ini akan menimbulkan kekacauan dalam bahasa nanti. Itulah sebab kata akronim tidak banyak dalam bahasa Melayu.

Tentang "tadika", "tabika" dan "taska", kesemuanya ialah kata akronim yang terbentuk dengan menggabungkan suku kata dan huruf dalam rangkaian berkenaan, iaitu "taman didikan kanak-kanak" (tadika), "taman bimbingan kanak-kanak (tabika) dan "taman asuhan kanak-kanak" (taska).

Dari segi proses pembentukan kata, kesemua perkataan ini terbentuk melalui cara yang sama, iaitu proses pengakroniman. Perbezaan terletak pada perkataan kedua dalam rangkai kata, iaitu sama ada "didikan" yang menimbulkan "tadika", atau "bimbingan" yang menimbulkan "tabika" atau "asuhan" yang menimbulkan "taska".

Dari segi makna, maksud yang digambarkan hampir sama, iaitu sebuah institusi pada tahap prasekolah. Sedikit perbezaan kelihatan dari segi sama ada yang ditekankan ialah "didikan" atau "bimbingan" atau "asuhan". Pada saya perbezaannya amat kecil, tetapi ada orang yang cuba menimbulkan perbezaan antara sebuah prasekolah dengan yang lain melalui perbezaan ini.

Terdapat satu lagi perkataan, iaitu "taski". Di sini, rangkaian kata yang melahirkannya ialah 'taman asuhan kanak-kanak Islam'. Di sini huruf 'i' bagi 'Islam' mempunyai pengertian khusus, yang membezakan institusi ini daripada yang lain. Pada suatu waktu dahulu ada perkataan "tasoka". Ini sebenarnya salah, terbit daripada ejaan perkataan "asuhan" yang dieja salah, iaitu 'asohan'.

Pada kesempatan ini, ingin juga saya menarik perhatian kepada perbezaan antara kata akronim dengan singkatan. Kata akronim merupakan bentuk kata tersendiri dan dapat disebut seperti perkataan lain dalam bahasa. Singkatan pula hanya bentuk kependekan sesuatu perkataan, dan cara menyebutnya ialah dengan menyebut tiap-tiap huruf yang ada. Sebagai contoh ialah K.L. (kependekan bagi nama tempat, iaitu Kuala Lumpur), dan Y.B. (kependekan bagi "Yang Berhormat"), satu gelaran seperti juga "Sh." bagi "Sharifah" dan "Tg." bagi "Tengku". Kesemua ini merupakan kata nama khas, dieja dengan huruf besar pada huruf pertama.

Terdapat juga singkatan yang bukan kata nama khas, maka ejaannya dengan huruf biasa, misalnya 'ttg.' untuk 'tentang', 'yg.' untuk

### KOSA KATA BAHARU BIDANG PSIKOLOGI

**Xenofobia (xénofobia)**

Perasaan sangat takut atau benci terhadap orang asing.

**Zoofobia**

Rasa takut yang keterlaluan pada binatang.

**Monofobia**

Perasaan takut yang keterlaluan ketika berada seorang diri.

**Psikopat**

Orang yang mempunyai personaliti antisosial sehingga menunjukkan tingkah laku yang tidak normal.

**Fetisy (fétisy)**

1. Objek yang sangat merangsang keinginan atau kehairahan nafsu syahwat seseorang.
2. Sesuatu, misalnya gambar seseorang yang dipuja, dan barang tertentu, yang boleh menimbulkan kegilaan atau perasaan yang tidak rasional pada seseorang.

**Transvestisme (transvértisme)**

Kecenderungan memakai pakaian yang lazim dipakai oleh anggota jantina yang satu lagi, terutamanya untuk rangsangan seks.

Oleh Zaiton Nasir

### GLOSARI BIOLOGI: GENETIK

**Akondroplasia (achondroplasia)**

Penyakit yang diwarisi manusia, yang mengakibatkan kekerdilan kerana kerencatan pertumbuhan tulang panjang. Penyakit ini diwarisi melalui gen autosom resesif pada manusia.

**Albino (albino)**

1. Organisma mutan yang wujud kerana kekurangan pigmen. Pada haiwan, sifat ini diwarisi secara resesif autosom.
2. Tumbuh-tumbuhan yang kekurangan kromoplas sehingga kelihatan pucat dan kekuningan.

**Aliran gen (gene flow)**

Pertukaran gen antara populasi akibat perpindahan individu yang dapat mengubah frekuensi gen pada populasi yang terlibat.

**Anemia sel sabit (sickle-cell anaemia)**

Penyakit genetik manusia yang disebabkan oleh gen resesif autosom akibat satu perubahan dalam jujukan asid amino rantai globin yang biasanya membawa maut, keadaan ini biasanya homozigot.

Oleh Azizul Ismail

### BAHASA SUKUAN

**LEMBOH**

Lemboh ialah kosa kata bahasa suku kaum Bajau Sama yang bermaksud lemas. Contoh penggunaannya: Dia telah menyelamatkan budak yang lemboh dalam arus sungai yang deras itu.

Oleh Noorzanani Kata

### KATA KLASIK

**MUALIM**

Takrif: jurumudi. Contoh penggunaan: maka akan ada kapal dari atas angin apabila akan belayar ke Melaka, serta ia membongkar sauh, maka selawatlah mualim.

Oleh Wahyunah Abd. Gani